

JPS sentiasa pantau trend kenaikan air

SHAH ALAM – Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan berlaku trend kenaikan air di semua sungai seluruh negara termasuk di negeri yang terjejas banjir baru-baru ini.

Pengarah Bahagian Sumber Air dan Hydrologinya, Datuk Mohd Abdul Nassir Bidin berkata, bilik gerakan JPS di setiap negeri beroperasi 24 jam bagi memantau kemungkinan paras air di sungai berada di tahap bahaya.

“Kita akan sentiasa pantau paras

air di setiap sungai termasuk di pantai timur. Setiap air dari hulu ke hilir akan JPS pantau dan setiap data dikemaskini untuk membolehkan sebarang tindakan dilakukan.

“Kita hanya boleh mengetahui sesuatu kawasan itu mungkin banjir apabila paras air yang masuk dari hulu sungai diperoleh seterusnya memberikan laporan persediaan awal kepada pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat seawal empat jam,” katanya, semalam.

Tambahnya, setiap liter hujan yang diterima negeri juga akan dianalisis terlebih dahulu mengikut bacaan stesen hujan jabatan itu bagi mengetahui paras air sungai yang boleh meningkat.

“Setakat pagi ini (semalam) sungai di dua daerah iaitu di Kemaman, Terengganu dan Teluk Intan, Perak menunjukkan trend naik.

“Di Kelantan, paras air menunjukkan bacaan mendatar. Oleh itu, penduduk setempat boleh mengambil langkah berjaga-jaga,” katanya.